



10 MAR, 2023

UiTM Machang mahu capai jualan nanas MD2, sulur RM200k

Harian Metro, Malaysia



Page 1 of 2

UiTM Machang mahu capai jualan nanas MD2, sulur RM200k

Machang: Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Kelantan menasaskan hasil jualan nanas MD2 dan sulur dengan keluasan melebihi 1.6 hektar yang diusahakan di Bukit Tiu di sini, mampu mencecah hampir RM200,000 tahun ini.

Penyelaras Unit Agrobisnes UiTM Kelantan, Hadhifah Fadhlina Ismail berkata, sasaran itu mungkin dapat dicapai, berikutan projek yang bermula sejak April 2021 itu mula dituai pada Februari lalu.

"Hasil jualan ini, kami tambah lagi keluasan tanah bagi penanaman nanas MD2 kerana dari segi pemasaran, kita mendapat permintaan tinggi bukan sahaja di UiTM



Projek ini bukan sahaja beri peluang kepada mahasiswa jadi agropreneur muda, malah membuka peluang pekerjaan kepada penduduk"

Hadhifah Fadhlina

bahkan daripada agensi kerajaan dan penduduk.

"Saya yakin apabila projek penanaman membuah hasil, ia bukan sahaja memberi peluang kepada mahasiswa menjadi agropreneur



muda, malah membuka peluang pekerjaan kepada penduduk untuk bekerja secara kontrak di ladang nanas ini," katanya di UiTM Kampus Machang di sini.

Mengulas lanjut, Hadhifah Fadhlina berkata, pelbagai

latihan turut disediakan kepada pelajar dan masyarakat yang berminat dalam bidang pertanian ini seperti latihan teknikal dalam penanaman nanas, pengurusan tanaman, keusahawanan dan pemasaran digital.

"Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) banyak membantu kami mengusahakan tanaman ini kerana turut memberi sumbangan 40,000 sulur benih varieti MD2.

"Kami menggunakan peluang diberikan ini sebaik mungkin, sekali gus membuktikan UiTM Machang mampu mencapai kejayaan meskipun tidak mempunyai pengkhususan dalam bidang perladangan," katanya.



PEKERJA kontrak ladang UiTM Cawangan Kelantan Zuraiddi Hamzah menunjukkan nanas varieti MD2 yang ranum dan sedia dituai. - Gambar NSTP/NIK ABDULLAH NIK OMAR



10 MAR, 2023

UiTM Machang mahu capai jualan nanas MD2, sulur RM200k

Harian Metro, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Machang: Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Kelantan menyasarkan hasil jualan nanas MD2 dan sulur dengan keluasan melebihi 1.6 hektar yang diusahakan di Bukit Tiu di sini, mampu mencecah hampir RM200,000 tahun ini. Penyelaras Unit Agrobisnes UiTM Kelantan, Hadhifah Fadhlina Ismail berkata, sasaran itu mungkin dapat dicapai, berikutan projek yang bermula sejak April 2021 itu mula dituai pada Februari lalu.